

**BAB**

**TIGA**

**BAB 3****LATARBELAKANG INDUSTRI PELANCONGAN****3.1 PENDAHULUAN**

Industri pelancongan merupakan salah satu industri di dalam sektor perkhidmatan yang dikenalpasti sebagai penting dan mampu memberi sumbangan ke atas pembangunan ekonomi negara. Pada tahun 2000, pendapatan negara melebihi RM18 ribu juta. Sumbangan industri ini kepada Keluaran Negara Kasar Malaysia juga telah meningkat kepada 3.6 peratus pada tahun 2000 (RMK-8:2001-2005). Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dalam menghadapi krisis mata wang telah mengenal pasti industri pelancongan sebagai salah satu sector utama yang dapat membantu usaha pemulihran ekonomi. Oleh yang demikian pembangunan indstri pelancongan dijangka akan terus mendapat dorongan dari kerajaan. Ini memberi gambaran yang positif kepada pembangunan aktiviti dan produk pelancongan. Bab ini memberikan gambaran ringkas berkaitan dengan pembangunan industri pelancongan di Malaysia. Antara lain ia membincangkan sumbangan kepada ekonomi negara dan profil industri pelancongan. Perbincangan dalam bab ini, bagi memberi gambaran bahawa keperluan tenaga manusia dalam industri ini amat serius memandang dan bentuk promosi perlu dirangka bagi meningkatkan kedatangan pelancongan sepanjang tahun. Perbincangan dalam bab ini adalah bagi membincangkan apa yang digariskan dalam objektif yang kedua.

### 3.2 AKTIVITI-AKTIVITI DALAM INDUSTRI PELANCONGAN

Sesetengah penduduk tidak memahami apa aktiviti yang terkandung dalam industri pelancongan, maka kajian ini akan membincangkan secara sepantas lalu mengenainya. Umumnya industri pelancongan di Malaysia merujuk kepada tiga aktiviti utama iaitu penginapan, perkhidmatan penyajian makanan dan minuman dan perjalanan dan pengembaraan. Oleh yang demikian, perbincangan berkaitan dengan pelancongan sering merangkumi ketiga-tiga aktiviti di atas (PEMM Research Consultant:2001). Selain itu, terdapat pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan bagi menggerakkan pembangunan industri ini. Ini termasuklah memberi cuti hujung minggu yang lebih panjang, menganjurkan pameran-pameran dan ekspo-ekspo dan mempromosi Malaysia sebagai destinasi membeli belah melalui "Karnival Jualan Mega".

Di dalam usaha mempromosi industri pelancongan negara bagi mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk dan menarik pelancong datang ke negara kita, Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM683 juta untuk tujuan menaikkan taraf dan memperkembangkan kemudahan infrastruktur dalam industri ini (LPPM:2002). Menurut LPPM, usaha-usaha agresif telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk mempromosikan industri ini, antaranya adalah seperti berikut;

- i. Pada 16 Mei 1999, Kerajaan Perak telah melancarkan kempen publisitinya yang pertama di dalam promosi "Tahun Malawat Perak 2000" (TMP 2000).
- ii. Pada 2 Jun 1999, Kerajaan Selangor telah melancarkan Kempen yang serupa iaitu "Tahun Melawat Selangor 2000" (TMS 2000) dan telah memperuntukan sejumlah RM5 juta bagi tujuan promosi dalam dan luar negara. Sebuah anak syarikat, TMS 2000 telah ditubuhkan bagi membantu kerajaan negeri menjayakan kempen ini, yang mana fokusnya adalah kepada empat bidang iaaitu sukan bermotor, golf, sukan rekreasi dan MICE (mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran).
- iii. Di antara 15 Oktober 1999 sehingga 17 Oktober 1999, Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Dunia Formula One, salah satu acara sukan bermotor yang paling berprestij di dunia. Pada 20-22 Oktober 2000, Malaysia sekali lagi telah menganjurkan acara yang sama dengan jayanya.
- iv. Kempen-kempen pelancongan "We did it Sarawak" dan "Jom Sarawak" yang dilancarkan bertujuan menarik lebih ramai pelancong ke Sarawak.
- v. Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah memperuntukan sekitar RM30 juta untuk membelanjakan bagi menangkis publisiti negatif yang ditonjolkan oleh media ekoran kejadian jerebu dua tahun lalu.

vi. Dalam usaha menarik minat pencinta-pencinta golf, Kerajaan dengan kerjasama pihak swasta telah melakukan usaha mempromosi dan menganjurkan kejohanan golf bertaraf dunia.

### **3.3 SUMBANGAN INDSUTRI PELANCONGAN KEPADA EKONOMI NEGARA**

Beberapa orang penulis dari barat seperti Hawkins menyatakan bahawa 12 peratus daripada KNK dunia berpunca daripada sektor pelancongan (Hawkins : 1989). Manakala menurut laporan yang dikeluarkan oleh World Tourism Organisation (WTO) pula, dari segi pendapatan pelancong, Thailand mencatatkan nilai pendapatan tertinggi berbanding dengan dengan negara-negara ASEAN yang lain dengan jumlah US\$ 7.0 bilion, diikuti dengan Singapura (US\$ 5.8 billion), Malaysia (US\$ 2.8 bilion) dan Filipina (US\$ 2.5 billion)

Sumbangan industri pelancongan kepada KDNK harus dilihat secara bersama dengan sektor perdagangan dan perkhidmatan lain-lain. Ini disebabkan oleh aktiviti pelancongan dimasukkan ke dalam kategori yang sama dengan sektor borong, runcit, hotel dan restoran dan lain-lain perkhidmatan dalam analisis ekonomi makro. Ini juga disebabkan oleh sumbangan aktiviti-aktiviti kategori ini kepada ekonomi adalah saling berkaitan. Selain dari itu, aktiviti industri pelancongan juga melibatkan keluaran negara berkaitan dengan kegiatan pengangkutan dan komunikasi. (Rujuk Jadual 3.1).

**Jadual 3.1: Sumbangan Sektor Perdagangan dan Perkhidmatan Kepada KDNK, 1995 dan 2000.**

Bil.	Sektor	1995 RM Juta	Sumbangan Kepada KDNK (%)	2000 RM Juta	Sumbangan Kepada KDNK (%)
1.	Borong, Runcit, Hotel & Restoran	25,304	15.2	31,081	14.9
2.	Lain-lain Perkhidmatan	12,780	7.7	15,599	7.5
3.	Pengangkutan, Simpanan & Komunikasi	12,294	7.4	16,323	8.0
	<b>Jumlah</b>	<b>50,378</b>	<b>30.3</b>	<b>63,323</b>	<b>30.4</b>
	<b>KDNK</b>	<b>166,625</b>	<b>-</b>	<b>209,269</b>	<b>-</b>

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)

Jadual 3.1 menunjukkan sumbangan aktiviti-aktiviti yang berkaitan kepada KDNK bagi tahun 1995 dan 2000. Antara tahun 1995 dan 2000, sumbangan kedua-dua sektor ini mencatatkan peningkatan purata 4.7 peratus setahun. Bagi tempoh yang sama, sumbangan aktiviti-aktiviti berkaitan adalah lebih kurang 30 peratus dari jumlah KDNK negara.

Sumbangan industri pelancongan adalah jelas dalam perkiraan kepada pendapatan luar negara. Sumbangan sector ini menjadi semakin penting kepada ekonomi Malaysia semenjak tahun 1993. Pada tahun 1989, industri ini menduduki tangga keenam dalam sumbangan pendapatan luar negara dan meningkat kepada tangga kedua pada tahun 1996. Walau bagaimanapun, kedudukan

industri ini kekal di tangga kedua pada tahun 1997 hingga 1999 walaupun berlaku kegawatan ekonomi pada masa itu.

Jadual 3.2 pula menunjukkan kadar pendapatan negara dari industri pelancongan. Peningkatan pendapatan negara dari industri ini meningkat dari tahun ke setahun, hanya susutan pendapatan boleh dilihat pada tahun 1997 dan 1998. Ini adalah disebabkan oleh susutan yang besar terhadap ketibaan pelancong. Bagaimanapun, secara purata pendapatan dari pelancongan meningkat pada kadar 15.4 peratus setahun antara tahun 1993 dan 2000.

**Jadual 3.2: Pendapatan Negara Dari Industri Pelancongan, 1992 – 2000**

Tahun .	Pendapatan (RM 000 Juta)	Kadar Pertumbuhan	Purata @ Pendapatan Dari Setiap Pelancong	Kadar Pertumbuhan %
1993	5.06	10.3	778	2.0
1994	8.29	63.8	1,152	48.1
1995	9.17	10.6	1,225	6.3
1996	10.35	12.9	1,450	18.4
1997	9.69	-6.3	1,560	7.6
1998	8.58	-11.5	1,546	-1.0
1999	12.32	43.6	1,664	7.7
2000	18.81	52.6	1,840	10.6

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2001

Nota @: Angka ini ialah pendapatan dari pelancongan dibahagikan dengan jumlah ketibaan pelancong.

Dalam pada itu, purata pendapatan dari setiap pelancong mencatatkan peningkatan pada kadar 11.7 peratus setahun bagi tempoh yang sama dari RM778 pada tahun 1990 kepada RM1,840 tahun 2000. Kadar kenaikan tertinggi alah pada tahun 1994 iaitu 48.1 peratus.

### **3.3.1 Sumbangan Pendapatan mengikut Sektor**

Menurut Rancangan Malaysia Kelapan (Kerajaan Malaysia: 2001-2005), sektor penginapan merupakan penyumbang terbesar pendapatan industri pelancongan iaitu 36 peratus dari jumlah pendapatan industri pelancongan. Ini diikuti oleh kegiatan perbelanjaan membeli belah dan penyediaan makanan dan minuman yang menyumbang sebanyak 21 peratus dan 19 peratus masing-masing. Lain-lain adalah disumbangkan oleh kegiatan perjalanan dalam negeri iaitu 7 peratus, lawatan dalam negeri 5 peratus, dan tambang kapal terbang untuk perjalanan dalam negeri juga 5 peratus. Aktiviti lain-lain seperti hiburan dan rekreasi menyumbang sebanyak 7 peratus (PEMM Research Consultant:2001).

### **3.3.2 Sumbangan Kepada Pekerjaan**

Pada tahun 1998, industri pelancongan menyumbang 113,819 pekerjaan iaitu kekurangan sebanyak 9,836 pekerja berbanding tahun 1995. Dengan kemasukan pelancong yang ramai pada tahun 1999 dan 2000, pekerjaan dalam industri ini telah meningkat. Jumlah pekerjaan industri pelancongan

dianggarkan 123,100 meningkat pada kadar purata 4 peratus bagi tempoh dua tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan jumlah pekerjaan (9.3 juta), sumbangan industri ini adalah kecil iaitu hanya 0.14 peratus sahaja.

### **3.4 KESAN KEMELESETAN EKONOMI KE ATAS TENAGA KERJA PELANCONGAN**

Kemelesetan ekonomi yang dialami pada tahun 1997 dan 1998 telah menjaskankan aktiviti-aktiviti pelancongan di Malaysia. Pusat-pusat tarikan pelancongan telah mengalami kekurangan dari segi bilangan pengunjung. Hotel dan resort juga mengalami keadaan yang serupa dengan kadar penginapan yang menurun. Pengusaha pusat-pusat pelancongan berpendapat promosi 'melancong dalam negeri' telah banyak membantu aktiviti pelancongan tempatan bagi tempoh masa berkenaan.

Pembiagaan agensi pelancongan dan pengembalaan turut terjejas, lebih-lebih lagi apabila kerajaan melarang kakitangan awam membuat perjalanan ke luar negara. Aktiviti penyajian makanan bagaimanapun kurang merasakan kesan seperti lain-lain sektor. Industri pelancongan mendapat momentum semula pada tahun 1999 dengan kemasukan 7 juta pelancong berbanding hanya 5 juta tahun sebelumnya dan lebih 10 juta pada tahun 2000.

Disebabkan oleh perniagaan yang perlahan antara tahun 1997 dan 1998, terdapat banyak hotel dan resort serta agensi perjalanan dan pengembaraan yang perniagaan mereka terjejas, memberhentikan pekerja mereka. Institusi-institusi latihan yang menyediakan kursus-kursus pelbagai peringkat dalam industri pelancongan tidak mengalami kesan yang ketara kemasukan pelajar. Kekurangan peluang-peluang pekerjaan memberi ruang kepada lepasan sekolah untuk mengikuti latihan dan kursus pelancongan yang ditawarkan oleh institusi latihan pelancongan.

### **3.5 KETIBAAN PELANCONG**

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh World Tourism Organisation (WTO) juga, sejumlah 664 juta pelancong antarabangsa telah dicatatkan pada tahun 1999, satu pertumbuhan sebanyak 4.4% berbanding dengan tahun sebelumnya. Nilai pendapatan melalui pelancongan iaitu pada tahun 1999 dilaporkan mencecah US\$455 bilion, satu peningkatan sebanyak 3.1% berbanding US\$441 bilion pada tahun 1998 (KKKP:2002).

Di kalangan negara-negara Asean, Thailand mendahului lain-lain negara serantau dengan bilangan pelancong seramai 8.7 juta orang. Ini diikuti oleh Malaysia (7.9 juta orang), Singapura (6.3 juta orang), Indonesia (4.7 juta orang) dan Filipina (2.2 juta orang) (KKKP:2002).

Jadual 3.3 menunjukkan jumlah kedatangan pelancong dan kadar pertumbuhan mengikut tahun. Antara tahun 1990 dan tahun 2000, jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia mencatatkan turun naik. Pada tahun 1990 bilangan ketibaan pelancong mencatatkan pertambahan pada kadar 53.6 peratus, manakala jumlah jumlah berikutnya susut sebanyak 21.5 peratus. Antara tahun 1992 hingga tahun 1995, ketibaan pelancong mencatatkan kenaikan yang menggalakan tetapi susut semula pada tiga tahun berikutnya iaitu tahun 1996 hingga 1998. Ketibaan pelancong pada tahun 1999 dan 2000 mencatatkan kenaikan yang memberangsangkan dengan jumlah ketibaan tertinggi sebanyak 10.2 juta orang. Jika dianalisa secara purata, bagi tempoh 11 tahun antara tahun 1989 hingga 2000, purata kemasukan pelancong ialah 7.1 juta setahun. Bagi tempoh yang sama, kadar purata pertumbuhan ketibaan pelancong ialah 3.2 peratus setahun (KKKP:2002).


**Jadual 3.3: Kedatangan Pelancong Ke Malaysia dan Kadar Pertumbuhan**

Tahun	Bilangan Pelancong	Kadar Pertumbuhan (%)
1990	7,445,908	53.6
1991	5,847,213	-21.5
1992	6,016,209	2.9
1993	6,503,860	8.1
1994	7,197,229	10.7
1995	7,468,749	3.8
1996	7,138,452	-4.4
1997	6,210,921	-13.0
1998	5,550,748	-10.6
1999	7,931,149	42.9
2000	10,221,582	28.9

Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, 2001

Saiz ketibaan pelancong sangat bergantung kepada faktor yang mempengaruhi ketibaan. Kemerosotan ketibaan pelancong umumnya disebabkan oleh kesan luar jangka dan diluar kawalan negara. Pada tahun 1991, kemerosotan ketibaan adalah dikaitkan dengan perperangan yang berlaku antara Iraq dan Kuwait. Pada tahun 1996 wabak virus nipah dan jerebu menjadi faktor yang mempengaruhi ramai pelancong berpotensi untuk tidak ke Malaysia, manakala trend yang berterusan disebabkan krisis ekonomi yang melanda Asia antara tahun 1997 dan 1998.

Rajah 3.1: Menunjukkan Pergerakan dan Aliran Kedatangan Pelancong Bagi Tahun 2000, 2001 dan 2002



Sumber: Kajian Pembangunan Sumber Manusia Dalam Industri Pelancongan Di Malaysia: Cabaran dan Strategi, 2003

Apabila dilihat kepada Rajah 3.1 dapat menunjukkan pergerakan dan aliran kedatangan pelancong bagi tahun 2000, 2001 dan 2002. Dari rajah ini juga didapati jumlah pelancong sentiasa meningkat dan kadangkala ia menurun disebabkan oleh perkembangan semasa yang berlaku di dalam dan luar negara. Bagi tahun 2000 beberapa program atau acara telah diatur bagi manarik lebih ramai pelancong datang ke negara kita sebagai contoh kedatangan pelancong telah meningkat bagi bulan April dari sebelumnya. Pada bulan ini kedatangan pelancong berjumlah 916,382 orang dan antara faktor peningkatannya iaitu beberapa promosi yang telah dijalankan oleh kerajaan yang mana pada bulan ini acara yang terbesar iaitu Pesta Air (Jadual 3.4). Seterusnya pada bulan Jun terus meningkat kepada 960,782 orang acara yang dijalankan iaitu Bulan Citrawarna. Namun begitu kedatangan pelancong menurun pada bulan Ogos iaitu 704,500 orang tetapi ia meningkat kembali pada bulan Oktober iaitu 990,658 orang. Salah satu faktor peningkatan tersebut yang dikenalpasti iaitu pada bulan diadakan Pesta Kesenian Antarabangsa. Pada Disember meningkat lagi kepada 1,042,572 orang.

Jumlah kedatangan pelancong bagi tahun 2001 menunjukkan corak kedatangan yang positif yang mana jumlahnya meningkat sehingga ke 1,392,235 orang bagi bulan Mac, jumlah ini merupakan yang tertinggi sekali berbanding dengan bulan-bulan lain bagi tahun 2000, 2001 dan 2002. Pada bulan Mac 2001 ini diperkenalkan dan dilancarkan Bulan Karnival Jualan Mega dan selepas bulan ini jumlah pelancong terus menurun kepada 1,038,210 pada bulan Mei. Bagi bulan

Oktober 2001 jumlah kedatangan pelancong terus menjunam ke paras 596,202 terutamanya pelancong dari negara Eropah. Keadaan ini berlaku kerana kejadian 11 September tahun yang sama iaitu negara Amerika Syarikat telah diserang. Selepas kejadian itu pihak Amerika dan negara yang tidak begitu menyukai negara Islam telah memburukan dan menggelar kebanyakkan negara Islam sebagai negara pengganas. Dengan provokasi ini menyebabkan pelancong kurang membuat perjalanan ke negara luar kerana bimbang keselamatan diri mereka. Namun begitu pelbagai usaha dan promosi telah dijalankan oleh kerajaan bagi menyakinkan pelancong luar tentang keselamatan mereka. Hasilnya pada bulan Disember kedatangan pelancong telah meningkat kepada 975,771 orang. Peningkatan ini antara faktornya iaitu program yang telah diatur pada bulan tersebut iaitu Rumah Terbuka Krismas (KKKP:2002)..

Bagi tahun 2002 kedatangan pelancong terus meningkat terutamanya bagi bulan Mac iaitu 1,272,810 orang. Pada bulan ini diadakan cara seperti Karnival Juaian Mega dan pada bulan Jun kadatangan pelancong terus bertambah iaitu kepada 1,297,536 orang tetapi pada bulan berikutnya menurun sedikit (KKKP:2002)..

**Jadual 3.4: Program Dan Acara Yang Telah DiRangka Oleh Kementerian  
Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Bagi Tahun 2002**

IL.	BULAN	TARIKH PROGRAM	PROGRAM
	Februari	1 - 2 Feb 2002  9 - 10 Feb 2002  15 - 19 Feb 2002  16 Feb 2002  16 - 22 Feb 2002  26 - 28 Feb 2002	Persembahan Tari - Gelombang Baru  Persembahan Tari – Jendela  Teater Tradisional Wayang Kulit, Memanah 40 Pokok Lontar  Rumah Terbuka Malaysia : Tahun Baru Cina  Pementasan Taridra - Butterfly Lovers  Persembahan Kesenian - (Muzik & Tarian Tradisional)
	Mac	2 - 31 Mac 2002  31 Mac - 20 Mei 2002	Kamival Jualan Mega Malaysia  Peraduan Menulis Cerita
	April	31 Mac - 20 Mei 2002  6- 11 Apr 2002  13 April - 12 Mei 2002	Peraduan Menulis Cerita  Teater Kanak-kanak - Sewang Rimba  Bulan Pesta Air
	Mei	13 Apr- 12 Mei 2002  31 Mac - 20 Mei 2002  8 Mei 2002  11 Mei 2002  26 Mei 2002	Bulan Pesta Air  Peraduan Menulis Cerita  Sayembara Puisi  Majlis Penutup Bulan Pesta Air  Majlis Pelancaran Rasmi & Perarakan Citrawarna Malaysia

		<b>26 Mei - 23 Jul 2002</b>	<b>Bulan Citrawarna Malaysia</b>
		<b>31 Mei 2002</b>	<b>Rumah Terbuka Malaysia - Kaamatan</b>
5.	Jun	8 Jun 2002	Rumah Terbuka Malaysia - Gawai Dayak
		8 Jun 2002	Rumah Terbuka Malaysia : Gawai Dayak
		23 Jun 2002	<b>Majlis Penutup Bulan Citrawarna Malaysia</b>
		26 Mei- 23 Jul 2002	<b>Bulan Citrawarna Malaysia</b>
6.	Julai	13 - 21 Jul 2002	<b>Citarasa Malaysia</b>
		20 Jul 2002	<b>Pekan Teater</b>
		26 Mei- 23 Jul 2002	<b>Bulan Citrawarna Malaysia</b>
		27 Jul 2002	<b>Majlis Penutup Fiesta Makanan &amp; Buah-Buahan</b>
7.	Ogos	2 - 11 Ogos 2002	<b>Festival Teater Malaysia</b>
		3 Ogos - 1 Sept 2002	<b>Karnival Jualan Mega Malaysia Ogos</b>
		3 - 6 Ogos 2002	<b>Festival Kesenian Tradisional</b>
		3 - 6 Ogos 2002	<b>Festival Teater Malaysia 2002</b>
		8 - 12 Ogos 2002	<b>Festival Seni Teater Universiti-universiti Asean</b>
		17 Ogos 2002	<b>Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan &amp; Kempen Mengibarkan Jalur Gemilang</b>
		30 Ogos 2002	<b>Majlis Tahlil &amp; Doa Selamat</b>
		31 Ogos 2002	<b>Pembarisan &amp; Perarakan Hari Kebangsaan</b>
8.	Sept.	3 Ogos - 1 Sept 2002	<b>Karnival Jualan Mega Malaysia Ogos</b>
		16 Sept 2002	<b>Perayaan 16 September &amp; Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan</b>

9.	Oktoper	4 Okt 2002	Majlis Pelancaran Rasmi Pesta Kesenian Antarabangsa
10.	Nov.	4 Nov 2002	Rumah Terbuka Malaysia : Deepavali
		9 Nov 2002	Majlis Pelancaran Rasmi Bazar Ramadhan
		16 Nov 2002	Bazar Ramadhan Peringkat Nasional
11.	Disember	14 Dis 2002	Rumah Terbuka Malaysia : Hari Raya Puasa
		28 Dis 2002	Rumah Terbuka Malaysia : Krismas

Sumber: Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia

Nota: Program dan Acara yang telah dirangka adalah sama bagi tahun 2000, 2001 dan 2002

Berpandukan Lampiran 1 iaitu jadual kedatangan pelancong bagi tahun 2000, 2001 dan 2002 dapat dilihat jumlah kedatangan pelancong mengikut benua dan negara. Bagi tahun 2001, ketibaan pelancong ke Malaysia adalah seramai 12,775,073 orang iaitu meningkat sebanyak 25.0% berbanding 10,221,582 orang bagi tahun 2000. Manakala bagi tahun 2002 iaitu 12,038,069 orang tetapi jumlah ini adalah antara bulan Januari hingga November sahaja (KKKP:2002)..


Dari perangkaan tahun 2001, bulan Mac merekodkan ketibaan tertinggi dengan catatan seramai 1,392,235 orang, iaitu meningkat sebanyak 88.7% berbanding seramai 737,678 orang pada bulan yang sama bagi tahun 2000. Manakala bagi bulan yang sama tahun 2002 iaitu 1,272,810 orang iaitu menurun sedikit berbanding tahun sebelumnya. Ketibaan pelancong pada tahun 2001 yang terendah sekali iaitu bagi bulan Oktober seramai 592,202 orang merosot 39.8% berbanding seramai 990,658 orang pada bulan yang sama tahun 2000 dan

1,015,946 orang pada tahun 2002. Penurunan yang mendadak itu adalah kesan daripada berlakunya peristiwa 11 september 2001 (KKKP:2002)..

Benua Asia kekal sebagai penyumbang utama ketibaan pelancong, iaitu seramai 10,869,776 orang pada tahun 2001, iaitu meningkat sebanyak 25.2% berbanding 8,682,189 orang bagi tahun 2000 dan bagi tahun 2002 pula 10,457,637 orang. Bagi benua Eropah seramai 581,599 orang tahun 2000, 697,332 tahun 2001 dan 588,764 orang. Bagi benua Amerika pula seramai 307,692 orang tahun 2000, 321,841 tahun 2001 dan 260,629 orang. Manakala benua Ocenia pula mencatatkan seramai 267,626, orang bagi tahun 2000, 289,618 orang tahun 2001 dan 237,619 orang dan bagi benua Afrika seramai 74,314 orang tahun 2000, 161,926 orang tahun 2001 dan 133,519 orang tahun 2002 (KKKP:2002)..

Bagi meneliti lebih mendalam lagi mengenai kedatangan pelancong ke negara kita dan corak aliran mengikut tahun iaitu bagi tahun 2000, 2001 dan 2002 boleh dirujuk rajah 3.2. Rajah ini menunjukkan kedatangan pelancong yang telah dibahagikan 3 bulan bagi setiap tahun dari 2000 sehingga 2002. Rajah ini menunjukkan corak kedatangan pelancong yang hampir sama bagi setiap tahun, ini memudahkan untuk membuat unjuran bagi tahun berikutnya. Corak yang yang hampir sama ini bermula pada awal tahun dengan kedatangan pelancong yang sedikit seterusnya meningkat dari sebulan ke sebulan sehingga kemuncak kedatangan pelancong pada pertengahan tahun dan selepas itu ia menurun sehingga akhir tahun.

Kajah 3.2: Aliran Kedatangan Pelancongan Mengikut 3 Bulan Bagi Tahun 2000, 2001 Dan 2002



Sumber: Kajian Pembangunan Sumber Manusia Dalam Industri Pelancongan  
Di Malaysia: Cabaran dan Strategi, 2003

Antara faktor yang dikenalpasti bagi membentuk corak kedatangan pelancong seperti rajah di atas iaitu ia berkait rapat dengan keadaan cuaca di negara kita yang mana pada pertengahan tahun keadaan cuaca di Malaysia adalah sangat baik kerana jarang berlaku hujan pada waktu tersebut. Kedatangan pelancong menurun pada penghujung tahun kerana keadaan cuaca pada masa itu adalah kurang baik iaitu hujan turun sepanjang masa sehingga menyebabkan berlakunya banjir. Corak ini juga berkait rapat dengan keadaan cuaca di negara-negara Eropah dan Timur Tengah terutamanya seperti musim salji. Musim ini menghadkan aktiviti-aktiviti bagi negara terbabit, oleh itu mereka akan melancong ke negara yang tidak mengalami musim tersebut. Faktor lain yang memberikan kesan kepada corak kedatangan pelancong iaitu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan, didapati pada pertengahan tahun banyak program dilaksanakan berbanding dengan awal dan penghujung tahun (rujuk Jadual 3.4).

**Jadual 3.5: Hasil Kaedah Regresi Terhadap Data Kedatangan Pelancong Mengikut Bulan**

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients Beta	t	Sig.
	B	Std. Error			
(Contant)	847916.1	61875.813		13.704	.000
Bulan	8504.226	2997.893	.443	2.837	.008

Sumber : Hasil Regresi Antara Bilangan Bulan dan Jumlah Kedatangan Pelancong Bagi Tahun 2000, 2001 dan 2002

Melalui jadual 3.5 dapat disimpulkan bahawa data yang dihasil menunjukkan faktor kedatangan pelancong ke negara ini hanya dapat diterangkan sebahagian

sahaja iaitu faktor tren dan musim. Sebahagian lagi adalah berdasarkan faktor lain seperti kurangnya bilangan Pemandu Pelancong yang cekap, perang, kekurangan promosi dan sebagainya.


Melalui data yang diperolehi dari jadual 3.5 dapat menghasilkan tren pergerakkan pelancong seperti Rajah 3.3. Rajah ini menunjukkan tren pergerakan kedatangan pelancong mengikut bulan bagi tahun 2000, 2001, 2002 dan melaui rajah ini juga ditunjukkan unjuran bagi tahun 2003. Dengan menggunakan Regresi Linear terhadap jumlah kedatangan pelancong bagi setiap bulan mengikut masa (diregrasikan kepada masa (bulan)), iaitu:

$$Y = \dots + Bt + \quad \text{Hasil didapati :}$$

$$Y = 847916.1 + 8504.226 t, t = 1, 2, 3, 4, \dots \quad (\text{Bil. Bulan Tahun 2000, 2001 dan 2003})$$

maka terhasil tren kedatangan pelancong yang mana tren ini sentiasa meningkat dan ia dijangka terus meningkat bagi tahun 2003. Namun begitu, unjuran bagi tahun 2003 akan bergantung suasana atau keadaan yang berlaku di negara ini atau negara luar seperti keadaan di Iraq. Jika perang terus berlaku jumlah kedatangan pelancong mungkin akan menerima kesan kerana pelancong lebih suka tinggal di negara mereka terutamanya pelancong dari Amerika Syarikat dan Britain. Kalau perang dihentikan mungkin keadaan akan berubah dan dijangka kedatangan pelancong meningkat sehingga 1.2 juta orang sebulan di perhujung tahun 2003 dan jika ia terus berlaku jumlah kedatangan akan menurun di bawah 1 juta orang.

Rajah 3.3 : Tren Pergerakan Kedatangan Pelancong Mengikut Bulan Bagi Tahun 2000, 2001, 2002 Dan Unjuran Bagi Tahun 2003



Sumber: Kajian Pembangunan Sumber Manusia Dalam Industri Pelancongan Di Malaysia: Cabaran dan Strategi, 2003

### 3.6 PERBELANJAAN PELANCONG

Jadual 3.6 mencatatkan agihan perbelanjaan pelancong di Malaysia. Aspek perbelanjaan utama ialah penginapan. Lebih 32 peratus perbelanjaan pelancong adalah untuk penginapan. Dua aspek lain ialah membeli-belah 23 peratus dan makanan dan minuman 19 peratus.

**Jadual 3.6 : Komposisi Perbelanjaan Pelancong**

Bil.	Perbelanjaan	1995 (%)	2000 (%)
1.	Penginapan	32.0	32.8
2.	Membeli-belah	21.0	23.1
3.	Makanan dan Minuman	18.0	19.5
4.	Perjalanan dalam negeri	8.0	7.1
5.	Tambang kapal terbang	5.0	4.6
6.	Lawatan	4.0	4.2
7.	Hiburan	6.0	5.0
8.	Lain-lain	6.0	3.7
	Jumlah	100.0	100.0

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, 2001 – 2005

### 3.7 STRATEGI PROMOSI DAN PEMASARAN

Sejajar dengan kedudukannya sebagai salah satu industri terpenting negara, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk meluluskan satu akta iaitu Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481) bagi menukar nama serta memperkemaskan peranan dan fungsi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Dengan terbentuknya akta ini, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menjalankan fungsi-fungsi berikut di dalam menggalakkan perkembangan industri pelancongan di negara ini:

- i. Menggiatkan dan menggalakkan pelancongan ke dan dalam Malaysia;
- ii. Meransangkan, memajukan dan memasarkan, di arena antarabangsa dan tempatan;
- iii. Menyelaraskan apa-apa aktiviti pemasaran atau penggalakan berhubung dengan pelancongan yang dijalankan oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau kerajaan atau bukan kerajaan; dan
- iv. Membuat syor-syor kepada menteri tentang cara-cara langkah-langkah dan program-program yang hendak diterimapakai bagi memudahkan dan menggiatkan kemajuan dan penggalakan industri pelancongan di Malaysia dan jika dibenarkan oleh Menteri, melaksanakan atau membantu dalam syor-syor berkenaan.

Selaras dengan fungsi-fungsi yang diperuntukan oleh Akta tersebut, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah mengariskan objektif-objektif berikut dalam usaha menggalakkan perkembangan industri pelancongan di negara ini:

- i. Menambahkan ketibaan pelancong-pelancong asing;
- ii. Memanjangkan tempoh purata tinggal pelancong-pelancong dan meningkatkan pendapatan pelancongan;
- iii. Menggiatkan pertumbuhan pelancongan domestik; dan
- iv. Menambahkan faedah daripada pasaran persidangan, insentif, konvensyen dan pameran.

Di dalam mengawalselia perkembangan industri pelancongan di negara ini, satu akta yang dinamakan Akta Industri Pelancongan 1992 telah diwujudkan. Akta ini menghendaki mana-mana pihak yang ingin mengendalikan "pengusahaan pelancongan" perlu dilesenkan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. "Pengusahaan pelancongan" sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Akta ini ialah:

- a) Mana-mana perniagaan pengendalian pelancongan;
- b) Mana-mana perniagaan agensi pengembaraan;
- c) Mana-mana perniagaan yang menyediakan premis-premis penginapan pelancong;
- d) Mana-mana perniagaan yang menyediakan restoran pelancong; atau

- e) Mana-mana perniagaan yang menyediakan institusi latihan pelancongan.

Dengan terlaksananya Akta Industri Pelancongan 1992, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelesenan dan penguatkuasaan pengusahaan pelancongan. Seksyen 34 Akta ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang difikirkan sesuai bagi maksud-maksud Akta ini. Di bawah peruntukan ini, peraturan-peraturan berikut telah dibuat:

- i. Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) 1992;
- ii. Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992;
- iii. Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992;
- iv. Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan Institusi Latihan Pelancongan) 1994

Sesuai dengan kedudukan sebagai salah satu sumber utama pendapatan negara, Di dalam Rancangan Malaysia ketujuh (1996-2000) Kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM683.00 juta bagi tujuan pembangunan pelancongan,

yang mana sebahagian besarnya adalah untuk menaik taraf dan memperkembangkan kemudahan infrastruktur dalam industri ini.

### **3.7.1 Galakan Untuk Industri Pelancongan**

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk terus membangunkan industri ini, beberapa bentuk insentif dan galakan telah ditawarkan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan (KKKP:1998). Ini termasuklah:

#### **i. Taraf Perintis**

- Diberikan kepada projek-projek pelancongan yang melibatkan pelaburan yang besar dan berteknologi tinggi.
- Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% diberikan bagi projek di Semenanjung Malaysia. Bagi projek di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia (Kelantan, Terengganu dan Pahang) serta Sabah dan Sarawak, pengecualian cukai sebanyak 85% diberikan.
- Tempoh pengecualian cukai ialah selama lima (5) tahun dari tarikh projek pelancongan memulakan operasi. Ini ditentukan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**ii. Elaun Cukai Pelaburan**

- Diberikan kepada projek pelancongan yang berbentuk penginapan dan bukan penginapan bagi perbelanjaan modal. Perbelanjaan modal bermaksud perbelanjaan ke atas perkara-perkara berikut:
  - Perbersihan tanah
  - Penanaman pokok landskap
  - Pembinaaan jalan dan lain-lain binaan infrastruktur
  - Penyediaan peralatan dan jentera
- Tempoh pengecualian ialah lima (5) tahun dari tarikh galakan diberikan.
- Pengecualian cukai pelaburan sebanyak 60% diberikan bagi projek pelancongan di Semenanjung Malaysia. Bagi projek pelancongan di Koridor Pantai Timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak, pengecualian cukai pelaburan sebanyak 80% diberikan.

**iii. Pengecualian Cukai Pendapatan Untuk Pengusaha Pelancongan**

- Pengecualian cukai pendapatan diberikan kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang membawa masuk sekurang-

kurangnya 500 pelancong asing melalui lawatan secara berkumpulan .

- Insentif ini berkuatkuasa sehingga tahun taksiran 2000.

**iv. Potongan Cukai Dua Kali Bagi Perbelanjaan Di Luar Negeri Untuk Penggalakn Pelancongan**

- Diberikan kepada pengusaha-pengusaha hotel dan syarikat-syarikat pengendalian pelancongan yang membuat perbelanjaan penggalakan pelancongan di luar negara.
- Perbelanjaan-perbelanjaan yang layak mendapat potongan ialah:
  - Perbelanjaan publisiti dan pengkilanan dalam mana-mana media massa di luar Malaysia.
  - Perbelanjaan penerbitan risalah, majalah dan buku-buku panduan termasuk kos penghantaran yang mana tidak dikenakan ke atas pelanggan luar negara.
  - Perbelanjaan menjalankan penyelidikan pasaran di luar Malaysia bagi mencari pasaran baru di luar negara. Ini tertakluk kepada kelulusan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia terlebih dahulu.
  - Perbelanjaan yang meliputi tambang perjalanan ke mana-mana negara luar untuk wakil syarikat bagi tujuan perundingan/mendapatkan kontrak untuk pengiklanan atau penyertaan dalam pasaria dagangan, persidangan

atau surum yang diluluskan oleh Menteri Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KKKP). Perbelanjaan seumpama ini adalah tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM200 sehari untuk penginapan dan sebanyak RM100 sehari untuk makan dan minum sepanjang tempoh berada di luar negara.

- Perbelanjaan menganjur pasaria dagangan, persidangan atau forum di luar negara yang diluluskan oleh Menteri KKKP.
- Kos penyelenggaraan menganjur pejabat-pejabat jualan di luar negara bagi maksud penggalakan pelancongan ke Malaysia.

v) Potongan Cukai Dua Kali Untuk Latihan

- Diberi kepada syarikat perhotelan dan syarikat pengendalian pelancongan yang diluluskan oleh KKKP yang menghantar pekerja mereka ke institusi-institusi latihan yang diluluskan atau selainnya atau yang menganjurkan latihan "in-house" bagi meningkatkan tahap kemahiran pekerja mereka.
- Program latihan yang ditekankan adalah yang berkaitan dengan bidang operasi, penyeliaan dan pengurusan syarikat. Ini tidak termasuk kursus-kursus kewangan dan pengurusan personel.

- Syarikat perhotelan dan pengendalian pelancongan layak mendapat galakan ini secara automatik sekiranya mereka menghantar pekerja mereka ke institusi-institusi latihan yang diluluskan seperti Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), Institut Kemahiran MARA dan lain-lain.
- Syarat kelayakan untuk insentif ini ialah:
  - Syarikat perlu berlesen/berdaftar dengan KKKP
  - Pelatih adalah warganegara Malaysia yang berkerja sepenuh masa dengan syarikat berkenaan
  - Kos perbelanjaan yang dibenarkan ialah:
    - Pembayaran yuran kursus
    - Pembayaran pengajar/perunding untuk latihan "in-house"
    - Tambang perjalanan mengikut kadar ekonomi untuk tenaga pengajar dan pelatih
    - Elaun tenaga pengajar tidak melebihi RM400 sehari yang meliputi perbelanjaan makan, minum, penginapan dan pengangkutan dalaman sepanjang tempoh kursus
    - Elaun pelatih tidak melebihi RM100 sehari untuk kursus dalam negara dan tidak melebihi RM200 sehari untuk kursus luar negara yang meliputi

perbelanjaan makan, minum, penginapan dan pengangkutan dalaman.

- Mulai Januari 1995, insentif ini diperuntukan kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam perniagaan penginapan dan pengendalian pelancongan yang mempunyai pekerja kurang daripada 10 orang pekerja. Bagi syarikat-syarikat yang mempunyai lebih dari 10 orang diwajibkan membayar levi 1% daripada upah bulanan pekerja-pekerja syarikat ke dalam Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) bertujuan mengadakan latihan untuk pekerja-pekerja mereka.

**VI) Pengecualian Duti Import, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan**

- Pengecualian cukai jualan ke atas barang pelancongan seperti pewter, kamera, jam tangan, pemotik api, pena, radio transistor, minyak wangi dan alat solek
- Hotel bertaraf 1 dan 2 bintang yang mempunyai 20 bilik kecuali di Pulau Pinang, Johor Bahru dan Kuala Lumpur yang mempunyai sekurang-kurangnya 50 bilik dengan kadar sewa tidak melebihi RM150 sehari diberikan pengecualian cukai perkhidmatan.

- Cukai perkhidmatan di Labuan dimansuhkan dan cukai perkhidmatan dikurangkan daripada 10% kepada 5% ke atas kadar sewa bilik, makanan, minuman dan tembakau.
  - Duti eksais dan cukai jualan dikecualikan ke atas peralatan dan jentera yang dibeli dalam negeri atau diimport untuk projek-projek pelancongan yang diluluskan. Senarai alat-alat kelengkapan hotel keluaran tempatan yang layak dipertimbangkan pengecualian duti eksais dan cukai jualan.
- vii) **Pengecualian Cukai Untuk Pembesaran, Pemodenan dan Pengubahsuaian Hotel.**
- Pengecualian cukai pendapatan atau cukai perkhidmatan dibawah galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan untuk tujuan pembesaran, pemodenan dan pengubahsuaian hotel diberikan kepada pengusaha hotel bertaraf 1 hingga 5 bintang di semua kawasan. Diberikan kepada hotel-hotel selepas lima tahun beroperasi dan hanya untuk sekali sahaja.
- viii) **Pengecualian Cukai Pendapatan atau Cukai Pelaburan Bagi Pembinaan Hotel Bertaraf 1 Hingga 3 Bintang.**
- Hotel-hotel bertaraf 1 hingga 3 bintang yang berdaftar dengan KKKP layak untuk memohon galakan ini di bawah galakan Taraf Perintis atau galakan Elaun Cukai Pelaburan

**ix) Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Kem Perkhemahan atau Kem Percutian**

- Pengusaha layak memohon galakan Taraf Perintis ataupun Elaun Cukai Pelaburan dengan syarat pelaburan minima projek berkenaan tidak termasuk kos tanah sebanyak RM500,000.
- Insentif ini bermula dari tahun taksiran 1997.

**x) Pengecualian Cukai Pendapatan Untuk Penganjur Persidangan/Pameran**

- Diberikan kepada syarikat tempatan yang membawa masuk sekurang-kurangnya 3000 orang peserta asing untuk menghadiri persidangan/pameran serta menguruskan penginapan mereka.
- Insentif ini bermula dari tahun taksiran 1997 hingga 2000

**xi) Pengecualian Cukai Pendapatan Untuk Restoran Pelancongan**

- Diberikan kepada pemaju/pengusaha restoran pelancongan yang mempunyai kriteria berikut:
  - Senibina serta hiasan dalaman bercirikan tempatan
  - Tumpuan pasaran adalah para pelancong
  - Dimiliki dan diuruskan oleh seorang pemilik sahaja.

xii) Insentif Untuk Pelancongan Domestik Dan Luar Negara

- Pelepasan cukai diberikan kepada syarikat-syarikat pelancongan yang berlesen dengan KKKP yang mengendalikan pakej pelancongan domestik melebihi 1,200 orang setahun atau membawa masuk 500 pelancongan asing setahun.